

Ibadat Haji

Ibadat haji terbahagi kepada empat bahagian

1. Rukun
2. Wajib
3. Sunnat
4. Makruh

Rukun Dalam Ibadat Haji

Rukun ialah perkara-perkara yang mesti dikerjakan didalam ibadat Haji atau Umrah, apabila ditinggalkan atau tertinggal salah satu daripadanya, maka ibadat itu batal.

Rukun Haji 6 Perkara

1. Berniat dan memakai ihram
2. Wukuf di Padang Arafah
3. Tawaf Ifadhah. (Mengelilingi Ka'bah 7 kali pusingan)
4. Sa'ie (Berjalan diantara Bukit Safa Dan Marwah 7 pusingan)
5. Bercukur atau bergunting rambut
6. Tertib (Yang dahulu didahulukan)

Wajib Dalam Ibadat Haji

Wajib ialah perkara-perkara yang mesti dikerjakan didalam ibadat haji atau umrah, apabila ditinggalkan atau tertinggal salah satu daripadanya, maka pekerjaannya itu sah, tetapi dikenakan denda (dam).

Wajib Haji 6 Perkara

1. Berihram dari miqat
2. Bermalam di Muzdalifah
3. Melontar Jamrah Aqabah
4. Bermalam di Mina
5. Melontar ketiga Jamrah
6. Menjauhi larangan-larangan ihram

Sunnat Dalam Ibadat Haji

Sunnat ialah perkara-perkara yang baik dikerjakan, didalam ibadat haji atau umrah, tetapi jika tidak dikerjakan, hajinya tetap sah dan tidak dikenakan membayar dam (*buat dapat pahala dan tidak membuatnya tidak berdosa*)

Makruh Dalam Ibadat Haji

Makruh ialah perkara-perkara yang elok ditinggalkan
*(jika di lakukan tidak berdosa dan jika di tinggalkan
mendapat pahala)*

Ihram

Pengertian Ihram

Ihram ialah permulaan memasuki ibadat haji atau umrah, seperti takbiratul ihram sebagai permulaan ibadat solat. Tiap-tiap ibadat yang terdapat padanya ihram dan tahallul, tentu ihram menjadi **rukun** di dalamnya.

Ihram

Hukum Ihram

Berniat ihram adalah **rukun** dalam ibadat haji dan mesti di lakukan oleh mereka yang mengerjakan ibadat haji. Ini kerana setiap ibadat hendaklah disertakan dengan niat. Sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w. dengan maksud:

“ Sesungguhnya amal ibadat hendaklah disertakan dengan niat. ”

Adab-Adab Ihram

Di antara adab-adab ihram ialah:

1. Kebersihan – *Sebelum berihram hendaklah*
 - a. Mengerat kuku
 - b. Menggunting misai
 - c. Mencabut bulu ketiak
 - d. Mencukur bulu ari-ari
 - e. Mandi atau berwuduk (*mandi lebih afdal*)
 - f. Menyikat rambut dan misai

Adab-Adab Ihram

Di antara adab-adab ihram ialah:

2. Memakai wangi-wangian (*sebelum berihram*)
3. Solat sunnat ihram


Gambar Kain Ihram Bagi Lelaki



Lafaz Mandi Sunnat Ihram

**Nawaitul ghusla
lisunnatil ihraami
lillahi ta'ala**

*Maksudnya: Sahaja
aku mandi sunnat
ihram kerana Allah
Ta'ala.*



Cara Berihram 1



Cara Berihram 2



Cara Berihram 3



Cara Berihram 4



Cara Berihram 5 - Selesai



Jangan Marah – Bergaye Aje!!!!



Lafaz Solat Sunnat Ihram

**Usalli sunnatal ihraami rak'ataini lillahi
ta'ala**

*Maksudnya: Sahaja aku solat sunnat ihram
dua rakaat kerana Allah Ta'ala.*

Solat Sunnat Ihram (Sambung)

Rakaat pertama, bacalah Surah Al-Fatiha dan Surah Al-Kaafiruun,

Rakaat pada rakaat kedua baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas.